

CUKAI KOPERASI



LHDNM-R/013/10

Bersama Membangun Negara

Encik, saya nak daftar fail Koperasi Sekolah



Adi Herman
Caw. Bintulu

Pengenalan

- Pertubuhan/badan yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502)
- Layanan cukai pertubuhan/badan tertakluk kepada ACP 1967
- Cukai koperasi dikenakan atas pertubuhan/badan yang bermastautin dan memperoleh pendapatan di Malaysia

Pengecualian Cukai Koperasi

- Bagi tempoh 5 tahun pertama mulai dari tarikh pendaftaran koperasi tersebut dan
- Selepas 5 tahun tamat (hari pertama tahun ke 6), jika kumpulan wang ahli kurang daripada RM750,000

Tanggungjawab koperasi

1. Kemukakan anggaran cukai (CP204) secara e-Filing (e-CP204) atau ke Pusat Pemprosesan LHDNM
 - Koperasi baru : 3 bulan dari tarikh mula operasi
 - Koperasi sedia ada : 30 hari sebelum bermula tempoh asas baru
2. Bayar cukai anggaran menggunakan CP207 sebelum/pada 10hb. setiap bulan
 - Koperasi baru : mulai bulan ke 6 tempoh asas
 - Koperasi sedia ada : mulai bulan ke 2 tempoh asas
3. Kemukakan Borang C1 ke Pusat Pemprosesan (Lapor pendapatan dan kira cukai)
4. Kemukakan Borang R (Penyata Baki 108 Tersemak) secara e-Filing (e-R) atau ke Pusat Pemprosesan LHDNM
5. Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP 207
6. Menyimpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun

Tanggungjawab LHDNM

Memastikan pendapatan yang dilaporkan adalah betul dan teratur mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui:

- Audit Luar : Semakan rekod di premis perniagaan pembayar cukai
- Audit Meja : Semakan rekod dibuat di Cawangan LHDNM

Kadar Cukai Koperasi

TAHUN TAKSIRAN	2008	2009	2010
PENDAPATAN BERCUKAI	(%)	(%)	(%)
1-20,000	0	0	0
20,001 - 30,000	3	2	2
30,001 - 40,000	6	6	6
40,001 - 50,000	9	9	9
50,001 - 75,000	12	12	12
75,001 - 100,000	16	16	16
100,001 - 150,000	20	20	20
150,001 - 250,000	23	23	23
250,001 - 500,000	26	26	26
> 500,000	28	27	26

Orang Yang Bertanggungjawab

- Pengarah-pengarah koperasi
- Setiausaha koperasi
- Pengurus atau pegawai utama
- Orang yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

Koperasi yang baru mula beroperasi/ditubuhkan perlu mendaftar di Cawangan LHDNM

Kemudahan Bayaran Cukai Koperasi

- Kaunter bayaran LHDNM
- CIMB Bank
- Public Bank
- Maybank
- EON Bank
- Perkhidmatan e-Bayaran di laman web LHDNM: www.hasil.gov.my

www.hasil.gov.my

1-300-88-3010

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan